



# Koleksi Abstrak Sanggar Sarjana IPG Kampus Pendidikan Teknik 2018

Siri 2

# **PERANAN KEBOLEHAN KOGNITIF DAN EFKASI-KENDIRI DALAM KESAN MANIPULASI FOKUS PENUMPUAN TERHADAP PEMBELAJARAN KEMAHIRAN LONTARAN PETANQUE**

Shamsharizal Abd Aziz  
Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan IPG  
KPT  
shamsharizal@hotmail.com

Ghazali Ismail  
Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan IPG  
KPT  
Ghaz175@hotmail.com

## **ABSTRAK(1)**

Kajian ini bertujuan menentukan kesan manipulasi fokus penumpuan (fokus luaran dan dalaman) terhadap pembelajaran kemahiran lontaran pointing petanque dengan mengawal faktor kebolehan kognitif dan efikasi-kendiri. Kajian-kajian terdahulu didapati tidak mempertimbangkan faktor-faktor ini dalam mengkaji kesan tersebut. Justeru, isu ini penting untuk ditangani bagi memastikan kesan fokus penumpuan terhadap pembelajaran kemahiran motor tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang juga didapati memberi kesan terhadap pembelajaran tersebut. Untuk itu seramai 135 orang peserta lelaki yang tiada pengalaman dalam permainan petanque telah dipilih untuk menyertai kajian ini. Mereka juga terdiri daripada individu dengan tahap kebolehan kognitif yang sama (tahap sederhana) yang ditentukan menggunakan Raven's Advanced Progressive Matrices (APM) (Raven, Court, & Raven, 1988). Efikasi-kendiri peserta pula diukur menggunakan soal selidik yang diadaptasi dari panduan membina skala efikasi-kendiri oleh Bandura (2006). Secara umumnya dapatkan kajian menyokong kajian terdahulu yang mendapati fokus penumpuan luaran memberi manfaat kepada pembelajaran kemahiran lontaran pointing petanque manakala peranan yang dimainkan oleh kebolehan kognitif dan efikasi-kendiri akan dibincangkan dengan lebih terperinci.

**KEYWORDS:** Fokus penumpuan, Pembelajaran motor, Kebolehan kognitif, Efikasi-kendiri

## **CABARAN GURU PERSIAP PELAJAR HADAPI REVOLUSI INDUSTRI 4.0**

Romy bin Abd Kadir, Azhar bin Hashim, Ruba'ie bin Hj Said dan Mohd Ali bin Sidek  
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik

Noraishah bt. Buang (Prof)  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## **Abstrak(2)**

Dalam era teknologi, guru perlu bersedia untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0 (R.I 4.0). Untuk menjadikan revolusi pendidikan menjadi kenyataan, inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas serta peranan guru amat penting. Pelajar generasi Z telah terdedah dengan cabaran pendidikan seperti teknologi digital, pengkomputeran awan (cloud computing) dalam media sosial. Peranan guru penting untuk menghasilkan pelajar berkemahiran, boleh menyelesaikan isu yang kompleks, kreatif dan inovatif. Guru perlu mengadaptasi kaedah terbaru sebagai pemudahcara selari dengan Revolusi Industri 4.0 (R.I 4.0). Persediaan guru untuk menintegrasikan luasan realiti (augmented reality) dalam pengajaran dan pemudahcaraan pada masa kini yang menekankan aspek kreativiti, inovasi dan berkolaboratif antara satu sama lain. Melalui *augmented reality* akan memberi lebih kefahaman kepada pelajar. Kaedah Pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan masalah dan inkuri penemuan dengan dunia sebenar perlu menjadi amalan melalui pembelajaran yang aktif. Jadi peranan guru bukan sahaja sebagai sumber utama maklumat tetapi sebagai pemimpin konsultatif. Pelajar memperolehi maklumat secara dalam talian. Pelajar perlu aktif dalam pembelajaran teradun kelas berbalik dengan peranti sendiri. Secara keseluruhannya, kertas konsep ini dihasilkan agar dapat membantu guru khususnya guru pelatih dan pensyarah IPGKPT menyediakan alat pedagogi yang baharu dalam pengajaran dan pemudahcaraan selari dengan Revolusi Industri 4.0 (R.I 4.0).

**Kata Kunci:** Revolusi Industri 4.0, Kreatif, Inovatif, luasan realiti, pengkomputeran awan

## **PEMBANGUNAN MODEL INSTRUKSI JTP MELALUI INTISARI AL-QURAN**

Oleh

**Mohamed Nazul Ismail  
Jabatan Teknologi Pengkomputeran**

### **Abstrak(3)**

Model Instruksi JTP merupakan reka bentuk pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Model Instruksi JTP terdiri daripada dua komponen. Komponen pertama adalah elemen untuk sesbuah instruksi di dalam kelas yang mencakupi lima elemen iaitu *Tonjolkan Objektif, Serlahkan Nilai, Perhalusi Bimbingan, Laksanakan Amalan Terbaik* dan *Tekalkan Pentaksiran*. Manakala komponen kedua merupakan pelengkap ke arah kesempurnaan proses instruksi yang merangkumi dua elemen lagi iaitu *Ulangi Objektif (Tiqrar)* dan *Istiqamah*. Penentuan setiap elemen dalam kedua-dua komponen berasaskan falsafah azan. Oleh itu fokus kajian pada kali ini adalah untuk menganalisis Model Instruksi JTP daripada perspektif Al-Quran. Al-Quran merupakan penawar bagi segala penyakit. Panduan daripada Al-Quran merupakan suatu rahmat dalam membangunkan generasi tidak kira sama ada masa lalu, kini maupun masa depan. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan analisis dan pentafsiran beberapa ayat Al-Quran daripada konsepsi ibrah. Hasil kajian adalah pembuktian terhadap Model Instruksi JTP disandarkan dalam kerangka tasauwur Islami dan mencakupi keperluan sebuah model instruksi dalam kelas secara komprehensif. Model instruksi JTP bukan sahaja menekankan aspek pembangunan intelektual malahan pembangunan nilai diri bagi setiap pelajar dan pendidik.

**Kata kunci:** Model, Model Instruksi JTP, Al-Quran,

## **KESEDIAAN DAN KEPERLUAN LATIHAN KEPADA GURU BIMBINGAN & KAUNSELING DALAM PENCEGAHAN PENYALAHGUNAAN DADAH**

Zaiton binti Sharif

IPG Kampus Pendidikan Teknik, Kementerian  
Pendidikan Malaysia

E-mail : zaitonsharif@yahoo.com.my

### **Abstrak(4)**

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti kesediaan dan keperluan latihan guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Rendah dalam pencegahan penyalahgunaan dadah. Masalah dadah bukan sahaja menjadi masalah dalam kalangan dewasa, malah telah menjadi masalah kepada golongan remaja dan kanak-kanak. Pelbagai kempen dan tindakan telah dilakukan oleh pihak kerajaan, tetapi masih sukar membendung masalah penyalahgunaan dadah yang semakin menular dalam kalangan pelajar-pelajar di sekolah. Kaedah persampelan bertujuan digunakan dan melibatkan seramai enam orang Guru Bimbingan & Kaunseling sebagai responden yang bertugas di Sekolah Rendah di Daerah Sepang. Peranan responden dalam mengerakkan aktiviti pencegahan penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar sekolah didapati penting. Kaedah kajian adalah secara kualitatif dengan menggunakan teknik pemerhatian, temubual dan analisis dokumen. Data dikumpul melalui temu bual berstruktur dan tema-tema dikenalpasti bagi menjawab persoalan kajian. Implikasi utama dapatan kajian ini ialah saranan dikemukakan agar kursus-kursus dan latihan-latihan tambahan berkaitan penyalahgunaan bahan perlu diberi dan dimantapkan di kalangan Guru Bimbingan & Kaunseling sekolah agar program-program pencegahan penyalahgunaan dadah di sekolah dapat dilaksanakan dengan yakin dan berkesan. Beberapa saranan untuk kajian masa hadapan turut dicadangkan.

**Kata kunci:** kesediaan, Guru Bimbingan & Kaunseling, penyalahgunaan dadah

## **EDUCATION 4.0: CABARAN PEDAGOGI TERKINI**

**Anisah Hashim**

**Jabatan Ilmu Pendidikan**

### **Abstrak(5)**

Kertas konsep ini membincangkan tentang perubahan dalam dunia pendidikan ke arah revolusi industri 4.0. Menyediakan bakal guru yang kompeten dengan kemahiran keguruan sesuai dengan zamannya adalah satu cabaran dalam kalangan pensyarah di IPG. Untuk menyediakan diri dengan cabaran ini , pensyarah perlulah mengenali 7 ciri utama Education 4.0 iaitu pelajar sebagai penerbit konten dan pengongsi (Learner as content produser and sharer) , pelajar sebagai penghubung (Learner as connection maker), akses maklumat yang terbuka (Open access to information), Guru sebagai pemandu sumber maklumat (Educator as resources guide), Pelajar sebagai guru (Learner as teacher), akses kepada pakar sebenar (Access to expert) dan kepelbagaiannya rangkaian (Diversity of network). Kesemua ciri utama ini memberikan Education 4.0 beberapa kelebihan utama kepada kemenjadian bakal guru jika diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di IPG.

**Kata kunci :** EDU 4.0, revolusi industri, cabaran pedagogi terkini, pedagogi

## **KEBERKESANAN SMART FILE DALAM MEMBANTU PENCAPAIAN PENDARABAN MURID TAHAP SATU**

*TAN TONG HOCK, WAN NOOR ADZMIN  
BT. MOHD SABRI, HILEZAN BT. ZAINAL,  
MANISAH BT. MOHD SHAH & NORLIHA*

*BT. JEMAIN  
IPG KAMPUS PENDIDIKAN  
TEKNIK/JABATAN MATEMATIK*

### **ABSTRAK(6)**

Pendaraban merupakan satu kemahiran asas yang penting dan perlu dikuasai dalam matematik di sekolah rendah dalam sistem pendidikan di Malaysia. Murid akan menghadapi masalah yang serius sekiranya mereka tidak dapat menguasai kemahiran ini sejak awal pembelajaran matematik. Mereka akan menghadapi masalah dalam penguasaan kemahiran seterusnya di peringkat yang lebih tinggi serta cabaran yang lebih menyusahkan terutama pada masa sekarang Kurikulum Standard Sekolah Rendah yang dipenuhi dengan masalah yang beraras tinggi. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menguji sejauh manakah keberkesanan Smart File dalam membantu pencapaian pendaraban bagi murid tahap satu. Rekabentuk kajian yang digunakan adalah kajian Kuasi-ekperimental yang melibatkan seramai 60 sampel murid dalam dua kumpulan, iaitu 30 orang murid dalam kumpulan rawatan dan 30 orang murid dalam kumpulan kawalan di sebuah sekolah rendah. Analisis Ujian Pra dan Ujian Pos telah dilakukan bagi membandingkan tahap pencapaian sebelum dan selepas intervensi selama dua minggu. Secara keseluruhannya, penggunaan Smart File menunjukkan significant dalam ujian T selepas rawatan. Keputusan menunjukkan Smart File merupakan satu kaedah yang berkesan dalam meningkatkan pemahaman dan kemahiran pendaraban pada tahap satu di sekolah rendah.

**Kata Kunci:** Smart File, Pendaraban.

**KESAN PROGRAM PERKHEMAHAN  
PENGAKAP GURU PELATIH  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS  
PENDIDIKAN TEKNIK**

Patarai Cholen & Rohaizad Agil

Unit KoKurikulum,  
IPG Kampus Pendidikan Teknik Bandar Enstek,  
Negeri Sembilan

**Abstrak(7)**

Perkhemahan Unit Beruniform merupakan wadah paling berkesan untuk menerapkan nilai-nilai murni dan elemen insaniah dalam kalangan pelajar terutamanya bagi merealisasikan falsafah pendidikan negara. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti kesan program perkhemahan unit beruniform terhadap aktiviti yang dilaksanakan. Kajian dijalankan berbentuk deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrument. Keputusan kajian menunjukkan bahawa rata-rata sampel kajian memberikan respons yang amat positif terhadap aktiviti yang dilaksanakan. Antara aktiviti yang paling digemari ialah mendirikan khemah kerana aspek ini memerlukan kerjasama pasukan. Selain itu sampel kajian mampu menila kekuatan diri, sentiasa memberikan maklum balas menggalakkan, berfikir secara fleksibel dan menyelesaikan masalah dalam melaksanakan tindakan sama ada secara individu atau kumpulan. Kajian ini juga turut memberikan cadangan agar perkhemahan unit beruniform perlu diperkisasikan semula agar dapat membantu sampel kajian mengukuhkan dan meningkatkan kemahiran profesionalisme keguruan sama ada semasa melaksanakan pedagogi pengajaran atau kokurikulum di sekolah.

**Kata Kunci :** Perkhemahan Unit Beruniform elemen Insaniah

**MANFAAT AKTIVITI MASAKAN  
KEPADА KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

**Dr Nik Aida Suria Binti Nik Zulkifli Ami  
Jabatan Hospitaliti, IPG Kampus Pendidikan  
Teknik**

**Normah Binti Abdul Rahman  
Jabatan Hospitaliti, IPG Kampus Pendidikan  
Teknik**

**Abstrak(8)**

Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan menekankan perkembangan yang holistik bagi semua kanak-kanak dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Ia menjadi asas kukuh kepada pembangunan potensi kanak-kanak berlandaskan acuan Malaysia. Atas kepentingan itu, semua ibu bapa dan guru harus menyedari akan keperluan kanak-kanak dalam pendidikan awal mereka mempunyai aktiviti pembelajaran yang dapat menyumbang kepada perkembangan yang holistik dan menyeronokkan. Aktiviti memasak adalah merupakan aktiviti yang menyeronokkan dan dapat menyumbang kepada pembangunan potensi kanak-kanak. Kertas konsep ini membincangkan tentang teori-teori yang berkaitan dan manfaat aktiviti memasak kepada kanak-kanak prasekolah dalam pembangunan sosial emosi, pembangunan fizikal, pembangunan kognitif, pembangunan bahasa. Semasa aktiviti memasak dijalankan, akan berlaku pembelajaran secara merentas kurikulum bagi beberapa matapelajaran seperti Matematik, Seni, Sains, Kajian Sosial. Guru perlu bijak memainkan peranannya untuk memastikan proses PdP masakan berjalan lancar dan menyeronokkan. Penulisan ini mencadangkan resepi-resepi yang sesuai dan menarik untuk aktiviti pembelajaran masakan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

**Kata Kunci:** Masakan, Prasekolah, Pembangunan fizikal, Pembangunan kognitif

## **APLIKASI KAUNSELING ISLAM DALAM PENGENDALIAN SESI KAUNSELING INDIVIDU DENGAN REMAJA HAMIL LUAR NIKAH**

**Che Harithun Abdullah @ Harun<sup>a</sup>  
Hanani Harun Rasit, PhD<sup>b</sup>**

**Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan  
Teknik, Bandar Enstek, Negeri Sembilan,  
Malaysia**

<sup>a</sup>[che.harithun@pendidikguru.edu.my](mailto:che.harithun@pendidikguru.edu.my)  
<sup>b</sup>[hanani.harunrasit@pendidikguru.edu.my](mailto:hanani.harunrasit@pendidikguru.edu.my)

### **Abstrak(9)**

Mutakhir ini semakin ramai golongan remaja yang terjebak dalam isu dan permasalahan sosial berpunca daripada kurangnya pendidikan agama dan penghayatannya. Banyak usaha untuk menangani keadaan ini telah dilakukan melalui pelbagai pendekatan kaunseling, khususnya pendekatan kaunseling konvensional. Model Kaunseling Islam yang diperkenalkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini menawarkan alternatif kepada pendekatan kaunseling bagi menyelesaikan permasalahan sosial remaja. Kajian kualitatif ini bertujuan untuk memperihalkan bagaimana Kaunseling Islam diaplikasi dalam kaunseling individu remaja hamil luar nikah dan memperihalkan cabaran yang dihadapi oleh kaunselor dalam aplikasi Kaunseling Islam. Kajian kes ini melibatkan dua orang peserta kajian yang terdiri daripada remaja hamil luar nikah di salah sebuah pusat perlindungan remaja di Malaysia. Data kajian terdiri daripada transkrip rakaman audio sesi kaunseling, jurnal refleksi kaunselor dan transkrip temu bual kaunselor. Data dianalisis menggunakan teknik analisis perbandingan berterusan (*constant comparative analysis*). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa struktur model Kaunseling Islam Al Ghazali diikuti sepenuhnya oleh kaunselor dengan sedikit penambahan dalam aspek pengisian fasa kaunseling. Cabaran yang dihadapi dalam pengendalian sesi kaunseling adalah daripada aspek klien dan kaunselor. Pengalaman positif kaunselor dalam pengendalian sesi bersama klien mendorong pengkaji untuk menyarankan agar lebih banyak sesi kaunseling berdasarkan pendekatan Kaunseling Islam dijalankan dan dikaji bagi memantapkan model Kaunseling Islam sedia ada.

**Kata kunci:** Kaunseling Islam, kaunseling individu, remaja bermasalah

## **PENDEKATAN KAUNSELING REMAJA BERMASALAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

**Che Harithun Abdullah @ Harun<sup>a</sup>  
Anisah Hashim<sup>b</sup>**

**Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan  
Teknik, Bandar Enstek, Negeri Sembilan,  
Malaysia**

<sup>a</sup>[che.harithun@pendidikguru.edu.my](mailto:che.harithun@pendidikguru.edu.my)  
<sup>b</sup>[anisah@pendidikguru.edu.my](mailto:anisah@pendidikguru.edu.my)

### **Abstrak(10)**

Semakin hari semakin ramai golongan remaja yang terjebak dalam isu dan permasalahan sosial berpunca daripada kurangnya pendidikan agama dan penghayatannya lebih-lebih lagi setelah terkesan oleh pengaruh arus globalisasi dunia tanpa sempadan. Penulisan kertas kerja ini bertujuan untuk menyebarkan pengetahuan dan kesedaran tentang pendekatan kaunseling yang digunakan bagi menangani masalah sosial remaja khususnya menurut perspektif Islam di samping mencadangkan tentang kewajaran mengaplikasi pendekatan kaunseling Islam dalam kalangan kaunselor Muslim melalui pendidikan. Penulisan ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan iaitu dengan cara membuat rujukan dan analisis terhadap dokumen-dokumen, penulisan dan jurnal-jurnal yang berkaitan dengan pendekatan kaunseling khususnya dari perspektif Islam dalam menangani masalah klien remaja. Dapatkan analisis ini mendapati bahawa pendekatan kaunseling Islam yang berteraskan Al Quran dan Al Sunnah telah meletakkan garis panduan yang lengkap dan menyeluruh untuk diikuti oleh para kaunselor khususnya kaunselor Muslim. Pelaksanaan penerapan elemen spiritual terutama yang dipelopori oleh Al Ghazali melalui proses *tazkiyah al-nafs* didapati telah mengutarakan kaedah yang berkesan dan mampu mempengaruhi perubahan minda, jiwa dan tingkah laku klien. Diharapkan penulisan ini dapat memberi manfaat dan sebagai panduan bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran kaunselor terhadap pendekatan kaunseling yang digunakan terutama ketika melibatkan perhubungan kaunseling antara kaunselor dan klien Muslim di seluruh institusi pendidikan negara.

**Kata kunci:** Kaunseling, remaja bermasalah, pendekatan Islam, elemen spiritual, kesedaran

# **EVALUATION OF TSL3143 CURRICULUM STUDIES COURSE USING CIPP MODEL: A BOON OR A BANE**

**Pn Rouzil Armiza binti Samsir@Shamsir**

**Jabatan Bahasa**

**IPG Kampus Pendidikan Teknik**

## **Abstract(11)**

This study aimed to evaluate the effectiveness of the Curriculum Studies course in the *Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan* (PISMP) through the perspectives of student teachers. This course is necessary for student teachers of English as a Second Language as it provides an understanding of the fundamentals of curriculum relevant to the Malaysian context. It focuses on the roles of the teacher as a curriculum analyst, decision maker and classroom practitioner. To this end, the CIPP (context, input, process, and product) evaluation model developed by Stufflebeam (1971) was utilized. 38 student teachers attending their final semester in the 2016 academic year participated in the study. The data were gathered through a questionnaire and an interview schedule which were designed by the researchers. Besides, in order to obtain more detailed information about the course, written documents (coursework) were examined. While the data based on the questionnaire were analysed through descriptive statistics, content analysis was carried out to analyse the qualitative data.

**Key words:** Curriculum, Curriculum evaluation, second language